



# KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN MENGENAI HUBUNGAN SOSIOEKONOMI KELUARGA DAN TAHAP PENDIDIKAN IBU BAPA TERHADAP PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN AL-QURAN ANAK-ANAK

## [A CONCEPTUAL FRAMEWORK OF RELATIONSHIP FAMILY'S SOCIOECONOMIC AND PARENT'S EDUCATIONAL LEVEL AGAINST PARENT'S INVOLVEMENT IN CHILDREN'S QURANIC EDUCATION]

ANIS ZAKARIA<sup>1</sup> & MOHD. ISA HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup>\* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.  
Email: p116577@siswa.edu.ukm.my; isa\_hamzah@ukm.edu.my

Corespondent Email: isa\_hamzah@ukm.edu.my

---

Received: 13 June 2023

Accepted: 15 July 2023

Published: 3 August 2023

---

**Abstrak:** Penglibatan ibu bapa merupakan satu aspek penting dalam menentukan kejayaan sistem pendidikan. Dalam bidang pendidikan al-Quran, penglibatan ibu bapa dilihat lebih penting kerana pendidikan al-Quran adalah pendidikan berterusan sehingga ke akhir hayat. Tambahan lagi, ibu bapa seharusnya menjadi guru al-Quran pertama anak-anak sebelum guru-guru di sekolah formal. Namun, terdapat beberapa faktor yang mengekang penglibatan ibu bapa secara maksimum dalam pendidikan anak-anak terutamanya pendidikan al-Quran. Antara faktor tersebut ialah masalah sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa. Ibu bapa yang mempunyai tahap sosioekonomi keluarga yang rendah dilihat kurang terlibat dalam pendidikan anak-anak. Selain itu, ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah kurang berminat untuk membincangkan pendidikan anak-anak berbanding ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk membangunkan dan membincangkan satu kerangka konseptual bagi mengenal pasti hubungan sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan al-Quran anak-anak.

**Kata kunci:** Penglibatan ibu bapa, Pendidikan al-Quran, Sosioekonomi keluarga, Tahap pendidikan ibu bapa

**Abstract:** Parental involvement is an important aspect in determining the success of the education system. In Quranic education, parental involvement is seen as more important because it is a continuous education until the end of life. Furthermore, parents should be the children's first al-Quran teachers before teachers in formal schools. However, there are several factors that limit the maximum involvement of parents in their children's education, especially Quranic education. Among those factors are the socioeconomic problems of the family and the level of education of the parents. Parents with a low family socioeconomic level are seen to be less involved in their children's education. In addition, parents with a low level of education are less interested in discussing their children's education than parents with a higher level of education. Therefore, this article aims to develop and discuss a conceptual framework to identify the socio-economic relationship of the family and the level of parental education on the involvement of parents in their children's Quranic education.

**Keywords:** Parent's involvement, Quranic education, Socio-economic, Parent's educational level

**Cite This Article:**

Anis Zakaria & Mohd. Isa Hamzah. 2023. Kerangka Konseptual Kajian Mengenai Hubungan Sosioekonomi Keluarga dan Tahap Pendidikan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan al-Quran Anak-anak [A Conceptual Framework of Relationship Family's Socioeconomic and Parent's Educational Level Against Parent's Involvement in Children's Quranic Education]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(4), 16-28.

## PENGENALAN

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak merupakan satu aspek penting dalam memastikan matlamat pendidikan dapat dicapai dengan jayanya. Dalam pembelajaran al-Quran, penglibatan ibu bapa dilihat menjadi faktor utama yang mendorong penguasaan tahap pencapaian al-Quran anak-anak . Namun begitu, terdapat faktor-faktor sosial yang menjadi kekangan ibu bapa untuk melibatkan diri dalam pendidikan al-Quran anak-anak. Antaranya ialah sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa. Oleh yang demikian, artikel ini akan memberi penekanan tentang tiga pembolehubah utama kajian iaitu tahap penglibatan ibu bapa, sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa. Penelitian terhadap hubungan antara sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa terhadap penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran anak-anak juga akan diterokai oleh pengkaji. Pengkaji akan membahaskan tentang bagaimana sosioekonomi keluarga dapat mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran anak-anak serta peranan pendidikan ibu bapa dalam memahami dan menerapkan al-Quran dalam diri anak-anak.

Ibu bapa adalah insan yang paling memberi kesan dalam kehidupan seorang murid. Ibu bapa berperanan untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang sempurna walaupun anak-anak sudah mendapat pendidikan secara formal di sekolah. Kekurangan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan, anak-anak berkemungkinan besar akan menyebabkan keciciran dalam pendidikan (TH.Subra et al., 2019). Masalah ini boleh memberi impak besar kepada diri murid dan masyarakat sekeliling seperti gejala sosial dan keruntuhan moral. Dalam konteks bidang al-Quran, ibu bapa seharusnya menjadi guru al-Quran pertama kepada anak-anak. Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran anak-anak menjadi pendorong dan motivasi kepada mereka untuk meminati bidang al-Quran sekaligus menguasainya dengan baik (Zainora et al., 2016). Kajian yang dijalankan oleh Norwardatun et al., (2021) menyatakan bahawa murid yang tidak mendapat pendidikan al-Quran di luar waktu sekolah seperti menghadiri kelas al-Quran atau membaca bersama ibu bapa di rumah lebih bermasalah untuk menguasai al-Quran. Penambahbaikan dan transformasi dalam Pendidikan Islam terutamanya bidang al-Quran tidak akan memberi kesan yang maksimum tanpa sokongan dan bimbingan ibu bapa di rumah (Saharia, 2015). Hal ini kerana, ibu bapa merupakan insan pertama yang bertindak sebagai guru dalam memupuk minat anak-anak terhadap al-Quran. Kurangnya penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran anak-anak akan memberi kesan kepada kualiti bacaan dan amalan al-Quran mereka sehingga dewasa.

## PENYATAAN MASALAH

Pendidikan al-Quran berperanan penting dalam pembentukan identiti agama dan akhlak murid. Selain itu, ia juga saling berhubung dengan pelaksanaan ibadah-ibadah lain yang menjadi asas

dalam agama Islam. Di Malaysia, bidang al-Quran merupakan bidang utama dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Penglibatan aktif ibu bapa dalam pendidikan al-Quran anak-anak dapat mempengaruhi tahap penguasaan al-Quran murid-murid di sekolah. Ia juga menjadi pendorong dan motivasi kepada murid untuk mencintai al-Quran seterusnya menjadikan membaca al-Quran sebagai amalan sehingga ke akhir hayat. Namun begitu, penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran anak-anak masih menjadi faktor utama yang menyebabkan masalah penguasaan bacaan al-Quran yang lemah (Ruba Alshboul et al., 2021). Isu gejala buta al-Quran dalam kalangan anak-anak di semua peringkat pengajian tidak kira rendah, menengah dan pengajian tinggi juga dilihat berpunca daripada tahap penglibatan ibu bapa yang rendah (Nurul Fatihah Hanapi et al., 2022). Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran anak-anak yang masih bersekolah masih dilihat sebagai satu isu yang kompleks dan belum sepenuhnya diuraikan.

Tujuan penulisan ini adalah untuk mengembangkan satu kerangka konseptual yang menyeluruh bagi menggambarkan hubungan antara sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa dengan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran anak-anak. Faktor sosioekonomi keluarga merangkumi pendapatan keluarga dan jenis pekerjaan ibu bapa. Kajian-kajian sebelumnya telah menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara faktor-faktor tersebut dengan tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak secara umum. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Mairin bin Gosman et al., (2020) yang menyatakan bahawa murid yang mendapat keputusan kurang baik dalam peperiksaan awam terdiri daripada anak-anak yang kurang mendapat dorongan dan motivasi daripada ibu bapa mereka. Kajian sama turut dijalankan oleh (TH.Subra et al., 2019) yang membuat kesimpulan bahawa faktor utama keciciran pendidikan anak-anak berbangsa India adalah kerana kurangnya penglibatan dan perhatian ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak. Namun begitu, hubungan khusus antara faktor sosioekonomi keluarga dengan tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan al-Quran anak-anak masih perlu dikaji secara lebih terperinci.

Selain itu, tahap pendidikan ibu bapa turut diakui sebagai faktor penting dalam menyokong pendidikan anak-anak. Tahap pendidikan ibu bapa dapat mempengaruhi kefahaman mereka terhadap kepentingan al-Quran dalam kehidupan anak-anak. Ia juga secara langsung dapat membantu memberi bimbingan dan ajaran kepada anak-anak dalam usaha meningkatkan penguasaan dalam bidang al-Quran. Kajian-kajian sebelumnya menyatakan bahawa tahap pendidikan ibu bapa turut mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak. Antaranya kajian yang dijalankan oleh Mohamad Johdi et al., (2009) yang menyatakan bahawa tahap pendidikan ibu bapa yang rendah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar-pelajar di sekolah. Dapatan yang sama turut disokong oleh kajian Zainudin & Fazilah, (2010) yang mengkaji hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan minat murid untuk belajar matematik di sekolah. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa anak-anak yang ibu bapanya berpendidikan tinggi lebih cenderung minat untuk belajar berbanding ibu bapa yang hanya memiliki tahap pendidikan sehingga PMR dan SPM sahaja. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa masih belum ada kajian yang mendalam tentang bagaimana hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan penglibatan mereka dalam pembelajaran al-Quran anak-anak.

Secara keseluruhannya, sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa dapat memberi impak terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak.

Walaubagaimanapun, masih belum ada huraian yang mendalam tentang bagaimana faktor-faktor ini berinteraksi dan saling mempengaruhi dalam konteks pendidikan al-Quran. Kajian yang terperinci perlu dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa dalam mewujudkan penglibatan ibu bapa terhadap pembelajaran al-Quran anak-anak. Oleh yang demikian, penyelidikan ini akan membangunkan satu kerangka konseptual yang komprehensif bagi menggambarkan hubungan antara status sosioekonomi keluarga, tahap pendidikan ibu bapa dan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran anak-anak terutamanya anak-anak yang masih bersekolah. Justeru, penelitian ini diharapkan dapat memberi gambaran dan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran anak-anak sekaligus menyumbang kepada usaha semua pihak dalam membudayakan al-Quran di peringkat keluarga, sekolah dan masyarakat.

## SOSIOEKONOMI KELUARGA

Status sosioekonomi keluarga adalah satu elemen penting dalam perbincangan berkaitan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak (Goshin M. & Mertsalova T., 2018). Menurut Kusaeri et al., (2020), sosioekonomi keluarga boleh diuraikan sebagai kedudukan seseorang individu atau sesebuah kumpulan dalam struktur organisasi masyarakat. Terdapat beberapa kajian terdahulu yang menyatakan bahawa terdapat hubungan signifikan antara sosioekonomi keluarga dengan tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Kajian yang dijalankan oleh Izzati Hazwani et al., (2022) menyatakan bahawa faktor utama yang mempengaruhi masalah pembelajaran pelajar B40 adalah sosioekonomi keluarga. Menurut kajian itu juga, faktor sosioekonomi keluarga yang rendah dan tidak stabil menyebabkan ibu bapa kurang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak. Isu ini bukan sahaja memberi kesan kepada pendidikan anak-anak, tetapi turut mempengaruhi tahap motivasi murid untuk belajar. Selain daripada itu, kajian kepustakaan yang melibatkan 42 kajian terdahulu berkaitan hubungan antara sosioekonomi keluarga dengan tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak menyimpulkan bahawa tahap sosioekonomi keluarga yang rendah telah memberi kesan kepada ibu bapa kerana ibu bapa tidak dapat melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah (Şengönül, 2022). Dapatkan ini disokong oleh Darko-Asumadu & Sika-Bright, (2021) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan pekerjaan mereka. Hubungan ini turut memberi kesan kepada tahap pencapaian akademik pelajar di sekolah. Selain itu, ibu bapa yang sentiasa sibuk bekerja kerana kesempitan hidup juga tidak dapat memberi perhatian terhadap prestasi akademik anak-anak mereka (Ghandi Mathi & R. Sivaperagasam, 2020). Hal ini menyebabkan pencapaian anak-anak tidak memberangsangkan. Sosioekonomi keluarga yang stabil bukan sekadar mempengaruhi pencapaian murid dalam pelajaran sahaja tetapi juga berhubung secara langsung dengan masalah salah laku murid di sekolah (Azizi, 2019).

Teori Ekologi Perkembangan Manusia Brofrenbrenner (1995) adalah teori yang tepat untuk membincangkan berkaitan hubungan sosioekonomi keluarga dengan tahap penglibatan ibu bapa. Teori ini turut berkaitan dengan kesan yang akan diterima oleh anak akibat daripada perubahan yang berlaku di sekitarnya, meskipun perubahan tersebut tidak melibatkan diri anak-anak secara langsung. Perubahan dan masalah yang berlaku kepada persekitaran terutamanya

keluarga memberi impak kepada perkembangan kanak-kanak. Menurut teori ini juga, Bronfrenbrenner menegaskan bahawa perkembangan seorang anak bukan dipengaruhi oleh dirinya sendiri, tetapi persekitarannya (Marcus Crawford, 2020). Bronfrenbrenner juga menekankan bahawa interaksi langsung seorang anak dengan persekitaran mereka adalah pengaruh terbesar dalam pembangunan diri mereka. Persekitaran ini bukan hanya memberi kesan jangka pendek kepada anak-anak, tetapi kekal sehingga anak-anak dewasa (Mujahidah, 2015). Oleh yang demikian, adalah penting untuk menyediakan kanak-kanak dengan sebuah persekitaran yang positif dan harmoni. Teori ini mengklasifikasikan keseluruhan sistem ekologi pertumbuhan manusia kepada lima subsitem yang tersusun secara sosial iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem (Paquette & Ryan, 2001).

### **Mikro sistem**

Mikro sistem adalah persekitaran yang paling dekat dengan seorang anak (Marcus Crawford, 2020). Ia juga boleh dianggap sebagai kelompok yang paling banyak mempengaruhi pembentukan personaliti seseorang individu (Jonathan R.H Tudge et al., 2017). Mikro sistem terdiri daripada orang-orang yang tinggal dalam persekitaran yang paling hampir dan ditemui secara bersemuka setiap hari. Sebagai contoh, ibu bapa dan ahli keluarga yang tinggal di dalam sebuah rumah yang sama (Cosmin et al., 2020). Individu yang berhubung secara bersemuka dengan anak-anak meskipun tidak tinggal serumah juga adalah sebahagian daripada mikro sistem. Misalnya rakan sebaya, jiran tetangga dan ahli komuniti agama yang sama. Proses pembinaan karakter secara interaktif dalam mikro sistem membentuk satu karakter kelompok yang tertentu. Dalam proses ini, ibu bapa berfungsi sebagai agen sosialisasi yang paling akrab dalam kehidupan seseorang. Ibu bapa juga mempunyai pengaruh besar terhadap pembentukan sikap dan karakter seseorang individu (Zuhdi, 2016).

### **Mesosistem**

Lingkungan kedua ialah Mesosistem. Mesosistem terbentuk daripada kesan interaksi antara dua atau lebih mikro sistem yang saling berhubung (Mardhiana, 2019). Sebagai contoh, interaksi antara ahli keluarga dengan ahli keluarga yang lain atau ahli keluarga dengan sekolah. Hubungan dalam lingkungan ini juga saling mempengaruhi antara satu sama lain. Ini bermakna, guru boleh mempengaruhi ibu bapa, ibu bapa boleh mempengaruhi guru dan interaksi antara kedua-duanya memberi kesan kepada perkembangan seorang anak (Rosa & Tudge, 2013). Kanak-kanak yang diberi galakan untuk berinteraksi dalam lingkungan mesosistem ini cenderung untuk menunjukkan prestasi akademik dan sosial yang lebih baik berbanding kanak-kanak yang tidak mendapat peluang yang sama. (Rohayati et al., 2018).

### **Ekosistem**

Ekosistem adalah pengalaman persekitaran yang tidak melibatkan kanak-kanak secara langsung tetapi memberi impak kepada pembentukan individu mereka (Nines Resiska, 2010). Sebagai contoh mudah, ibu bapa yang menghadapi tekanan di tempat kerja dan masalah ekonomi yang tidak stabil berkemungkinan akan menyalurkan emosi negatif kepada anak-anak dengan

bersifat garang atau mendera mereka (Azhani & Izzati Nadia, 2022). Dalam kajian ini, aspek sosioekonomi keluarga berada dalam lingkungan ekosistem. Ibu bapa yang menghadapi masalah ekonomi secara langsung memberi kesan kepada anak-anak mereka. Mereka juga dilihat tidak mampu menyediakan infrastruktur pendidikan yang cukup kepada anak-anak menyebabkan anak-anak tidak dapat belajar dengan sempurna. Meskipun anak-anak tidak terlibat secara langsung dalam permasalahan tersebut, namun kesan terhadap pembangunan karakter mereka adalah besar. Isu-isu yang berlaku dalam lingkungan mesosistem akan mempengaruhi hubungan dalam mikro sistem. Ibu bapa yang mempunyai masalah kewangan akan sukar memberikan layanan baik kepada anak-anak kerana sentiasa berfikir tentang bagaimana untuk meneruskan kehidupan dalam situasi yang menekan. Maka, keperluan untuk memastikan lingkungan ini berada keadaan yang baik adalah tanggungjawab orang-orang dewasa yang berada di persekitaran kanak-kanak terutamanya ibu bapa.

### **Makrosistem**

Secara umumnya, makrosistem menumpukan terhadap bagaimana unsur budaya, norma dan nilai-nilai masyarakat yang telah sedia wujud di tempat kanak-kanak membesar boleh mempengaruhi perkembangan mereka (Yuvaneswary & Ruslin, 2010). Antara unsur yang boleh difokuskan ialah status sosioekonomi masyarakat, kekayaan, kemiskinan dan perbezaan etnik (Ulla Harkonen, 2007). Lingkungan ini juga berkongsi kepercayaan, amalan dan akses kepada sumber yang sama seterusnya membentuk satu identiti kelompok yang seragam (Jonathan R.H Tudge et al., 2017). Sebagai contoh, sekiranya anak-anak membesar dalam masyarakat yang mementingkan agama, perkembangan akhlak dan moral mereka berkemungkinan baik. Hal ini kerana, secara tidak langsung budaya dan nilai masyarakat setempat mempengaruhi ideologi dan pemikiran seorang individu (Cosmin et al., 2020).

### **Kronosistem**

Kronosistem adalah lingkungan terakhir dalam teori ini. Bronfenbrenner menyatakan bahawa lingkungan kronosistem merujuk kepada kejadian dan peralihan kehidupan penting yang berlaku dalam persekitaran kanak-kanak sepanjang usia perkembangannya (Nines Resiska, 2010). Sebagai contoh, berbeza dengan zaman dahulu, kanak-kanak lebih suka bermain di luar rumah bersama rakan-rakan daripada melayari permainan dan media sosial di telefon pintar. Hal ini disebabkan oleh perubahan dalam persekitaran yang mempengaruhi pertumbuhan kanak-kanak. Selain itu, perkembangan kanak-kanak juga dipengaruhi oleh perubahan besar yang berlaku dalam persekitaran pelajar. Antaranya ialah pertukaran sekolah, perpindahan tempat tinggal dan penceraian ibu bapa.


Dalam bidang al-Quran, penglibatan ibu bapa secara maksimum dilihat lebih penting. Hal ini kerana pendidikan rohani turut menjadi satu keperluan utama dalam pembentukan peribadi dan sahsiah yang mulia. Ibu bapa yang menyediakan persekitaran al-Quran kepada anak-anak akan cenderung melahirkan anak-anak yang mencintai dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan (Nazreen & Faizulamri, 2019). Kajian yang dijalankan oleh (Hidri Shahri et al., 2020) menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan ibu bapa dengan tahap penguasaan ibadah dan al-Quran murid-murid di Sekolah Agama Kerajaan Negeri

Johor. Antara aspek yang dinilai dalam kajian ini adalah bacaan dalam solat dan bacaan surah-surah dari al-Quran. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya ibu bapa menitikberatkan amalan agama dalam diri anak-anak sejak kecil, anak-anak akan lebih mudah menguasai al-Quran dan ibadah-ibadah lain dalam Islam.

## **TAHAP PENDIDIKAN IBU BAPA**

Selain sosioekonomi keluarga, tahap pendidikan ibu bapa juga menjadi salah satu faktor yang menentukan tahap penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak (Abid Ali et al., 2021). Secara umumnya, tahap pendidikan ibu bapa dapat mencerminkan pengetahuan, keterampilan dan kesedaran diri terhadap kepentingan pendidikan dalam diri anak-anak (Zainudin & Fazilah, 2010). Di Malaysia, tahap pendidikan ibu bapa lazimnya ditentukan melalui peringkat pengajian ibu bapa sama ada di tamat sekolah rendah sahaja, SPM, Diploma, Ijazah dan pengajian yang lebih tinggi seperti Sarjana dan Doktor Falsafah. Kajian-kajian dijalankan bagi mengkaji hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak. Satu kajian dijalankan oleh Kai Lin & Lilia ,(2016) dalam mengenal pasti hubungan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan tahap penglibatan mereka dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik mata pelajaran Sains murid SBT di Melaka. Hasil kajian mendapati, ibu bapa yang tidak memiliki kelayakan akademik yang tinggi sentiasa memberi alasan untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak terutamanya dalam aspek membantu tugas anak-anak di rumah. Dapatkan ini disokong oleh kajian Asadul Islam, (2017) yang menjalankan penyelidikan bagi mengkaji penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sebuah kawasan luar bandar Bangladesh. Sampel kajian terdiri daripada ibu bapa kebanyakannya yang tidak habis bersekolah rendah. Hasil kajian mendapati penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah semakin merosot. Hal ini kerana, mereka tidak berminat untuk mengetahui perihal persekolahan anak-anak dan merasakan bahawa prioriti utama keluarga adalah mencari wang untuk menyara kehidupan, bukannya pendidikan. Situasi ini menggambarkan bahawa, ibu bapa yang berpendidikan rendah tidak memandang pendidikan sebagai satu kepentingan kepada anak-anak mereka. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi kebiasaannya dilihat menghabiskan masa mereka untuk membuat perbincangan dengan anak-anak berkaitan akademik mereka (Kusaeri et al., 2020). Ibu bapa yang mempunyai pendidikan dan pengetahuan al-Quran pula menitikberatkan pengajian berasaskan al-Quran bermula dari rumah di usia kecil lagi, seterusnya menghantar anak-anak ke pusat pengajian dan sekolah bagi mendapatkan pendidikan formal berkaitan al-Quran dan pendidikan Islam (Fatihah et al., 2022)

Dalam aspek Teori Ekologi Perkembangan Manusia Bronfrenbrenner, sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa termasuk dalam lingkungan ekosistem yang memberi gambaran bahawa ia tidak berkait secara langsung dengan anak-anak, namun mereka mendapat impak daripada isu yang berlaku dalam lingkungan ini. Kerangka teori bagi hubungan sosioekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa terhadap penglibatan ibu bapa dapat dilihat daripada kerangka berikut :



Rajah 1.1 : Kerangka teori sosioekonomi keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa

### **Penglibatan Ibu Bapa**

Dalam menilai tahap penglibatan ibu bapa, pengkaji mengambil daripada Teori Penglibatan Ibu Bapa Joyce Epstein. Teori ini menyenaraikan bidang-bidang penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak yang terdiri daripada enam bidang iaitu komunikasi, pembelajaran di rumah, membuat keputusan, kerjasama dengan komuniti dan kesukarelaan (Shanti et al., 2019). Namun begitu, bagi kajian ini, pengkaji hanya ingin mengkaji aspek penglibatan ibu bapa dari segi komunikasi dan pembelajaran di rumah sahaja.


#### **Komunikasi**

Epstein (2015) menterjemahkan komunikasi sebagai komunikasi dua hala, tiga hala dan pelbagai hala yang menghubungkan sekolah, ibu bapa, anak-anak serta komuniti. Dalam konteks penglibatan ibu bapa dalam pendidikan al-Quran anak-anak, komunikasi seharusnya berlaku antara ibu bapa dan anak-anak, ibu bapa dan guru-guru al-Quran anak-anak, ibu bapa dan sekolah serta ibu bapa bersama komuniti bagi mengenal pasti kemajuan pendidikan al-Quran anak-anak. Komunikasi ini juga penting dalam memastikan anak-anak sentiasa mendapat dorongan dan motivasi untuk mempelajari al-Quran. Kajian dijalankan dalam mengenal pasti tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak menggunakan teori ini mendapati penglibatan ibu bapa dalam aspek komunikasi berada antara yang terendah berbanding aspek-aspek lain (Shanti et al., 2019) dan (Kai Lin & Lilia, 2016). Komunikasi yang positif adalah penting dalam sesebuah keluarga dan masyarakat bagi pembentukan seseorang individu.

#### **Pembelajaran di Rumah**

Aspek pembelajaran di rumah menurut Epstein adalah kesanggupan ibu bapa untuk membantu anak-anak dengan pembelajaran mereka di rumah (Owusu Amponsah et al., 2018). Bantuan ini meliputi penyediaan alatan pembelajaran kepada anak-anak di rumah, penyediaan persekitaran pembelajaran yang positif, membantu anak-anak menjalankan tugas sekolah serta memberikan motivasi dan dorongan kepada anak-anak di rumah (Hanita& Norzaini, 2018). Dalam konteks pendidikan al-Quran, ibu bapa perlulah menyediakan persekitaran rumah yang mesra al-Quran dan menjadikan al-Quran sebagai budaya di rumah. Selain itu, penyediaan


peralatan untuk membaca al-Quran di rumah juga perlu dilaksanakan oleh ibu bapa. Ibu bapa juga perlu sentiasa membimbing anak-anak membaca al-Quran di rumah. Suasana dan persekitaran positif di rumah mendorong anak-anak untuk bersemangat dalam usaha mempelajari dan mengamalkan al-Quran dalam kehidupan sehari-hari mereka.



Rajah 1.2 : Kerangka teori penglibatan ibu bapa

### Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian, pengkaji membangunkan satu kerangka konseptual kajian. Kerangka ini bertujuan untuk memberi gambaran yang komprehensif tentang pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian dan menyediakan hala tuju yang jelas kepada penyelidik tentang apa yang perlu dilaksanakan. Kerangka konseptual bagi kajian ini ditunjukkan seperti rajah di bawah;



Rajah 1.3 : Kerangka konseptual kajian

### KESIMPULAN

Penglibatan ibu bapa adalah elemen penting dalam menjayakan sistem pendidikan. Pembelajaran di sekolah semata-mata dilihat kurang memberi kesan kepada anak-anak tanpa pemantauan dan bimbingan berterusan daripada ibu bapa. Penglibatan ibu bapa boleh dilihat dari aspek komunikasi dan pembelajaran di rumah. Dalam konteks pendidikan al-Quran, ia dilihat lebih penting kerana pendidikan al-Quran bukan sahaja terhad kepada pembelajaran di sekolah semata-mata, namun memerlukan pendidikan berterusan hingga ke akhir hayat. Dalam hal ini, peranan ibu bapa dilihat semakin kritikal.

Komunikasi dalam penglibatan ibu bapa merujuk kepada komunikasi yang berlaku antara ibu bapa dan murid, ibu bapa dan guru, ibu bapa dan sekolah serta ibu bapa dan komuniti. Dalam usaha memastikan anak-anak dapat menguasai al-Quran dengan baik, ibu bapa seharusnya sentiasa berkomunikasi dan berbincang dengan anak-anak akan kepentingan menguasai ilmu al-Quran. Ibu bapa juga seharusnya sentiasa berbincang dengan guru-guru al-Quran di sekolah bagi memastikan anak-anak tidak tercicir dalam pembelajaran al-Quran di

sekolah. Di peringkat komuniti, perbincangan boleh dilaksanakan oleh ibu bapa bagi mencari solusi untuk memastikan anak-anak di kawasan persekitaran mereka mendapat pendidikan al-Quran yang secukupnya. Selain itu, ibu bapa seharusnya sentiasa memberi motivasi kepada anak-anak untuk menjadikan al-Quran sebagai satu ilmu yang tidak boleh dipinggirkan. Komunikasi ini juga penting bagi memastikan ilmu al-Quran sentiasa diletakkan di hadapan di samping penguasaan terhadap ilmu-ilmu akademik yang lain.

Selain itu, ibu bapa juga berperanan untuk menyediakan persekitaran yang mesra al-Quran di rumah. Amalan halaqah al-Quran dilihat membantu anak-anak untuk terus istiqamah membaca al-Quran. Hal ini juga bagi mendorong anak-anak untuk mencintai dan menghayati al-Quran. Penyediaan peralatan untuk membaca al-Quran di rumah juga penting bagi membiasakan anak-anak dengan budaya al-Quran. Antara peralatan yang diperlukan kebiasaannya ialah mushaf al-Quran, rehal, sejадah dan pakaian yang bersesuaian. Ruang khusus untuk beribadah dan membaca al-Quran juga adalah satu usaha untuk memupuk semangat anak-anak untuk membaca al-Quran di rumah. Ibu bapa yang tidak mampu mengajarkan anak-anak al-Quran boleh mencari guru-guru luar bagi memastikan pembacaan al-Quran bukan hanya di sekolah semata-mata tetapi juga diteruskan di luar waktu persekolahan. Dengan penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan al-Quran anak-anak di rumah, anak-anak akan lebih serius dalam mempelajari dan mengamalkan al-Quran.

Namun begitu, terdapat kekangan yang menyebabkan ibu bapa tidak mampu untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak terutamanya pendidikan al-Quran. Faktor yang utama dilihat menjadi halangan ialah faktor sosioekonomi keluarga. Sosioekonomi keluarga merujuk kepada tahap pendapatan ibu bapa, pekerjaan dan jumlah isi rumah. Ibu bapa daripada sosioekonomi yang rendah dilihat sering memberi alasan untuk terlibat secara langsung dalam pembelajaran al-Quran anak-anak. Hal ini kerana mereka terpaksa bekerja untuk menampung perbelanjaan keluarga yang semakin meningkat. Mereka juga menghadapi kekangan masa untuk mengajarkan anak-anak membaca al-Quran. Selain itu, kekangan ini menyebabkan ibu bapa tidak menjadikan membaca al-Quran sebagai budaya di rumah. Pekerjaan ibu bapa yang mempunyai sosioekonomi yang rendah ini juga dilihat menjadi kekangan kepada penglibatan mereka dalam pendidikan anak-anak. Pekerjaan mereka yang melibatkan jumlah waktu yang banyak menyebabkan mereka hanya dapat pulang ke rumah lewat petang atau malam sekaligus mengurangkan masa mereka dengan anak-anak. Selain daripada itu, ibu bapa yang bersosiekonomi tidak stabil ini jarang melibatkan diri dalam pendidikan anak-anak dan kurang berkomunikasi dengan guru anak-anak di sekolah menyebabkan mereka tidak dapat mengetahui perkembangan pembelajaran anak-anak.

Faktor kekangan seterusnya adalah tahap pendidikan ibu bapa. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah dilihat kurang terlibat dalam pendidikan anak-anak kerana mereka kurang yakin untuk bercakap dengan guru-guru anak mereka. Ibu bapa juga tidak menguasai ilmu al-Quran menyebabkan mereka tidak dapat mengajarkan anak-anak mereka di rumah. Kurangnya kesedaran menjadikan mereka tiada usaha untuk meningkatkan penguasaan anak-anak dalam bidang al-Quran. Bagi ibu bapa yang berpendidikan rendah, mereka merasakan keutamaan mereka adalah mencari wang untuk meneruskan kehidupan, bukannya pendidikan. Sebaliknya, ibu bapa yang berpendidikan tinggi kebiasaannya akan meluangkan masa mereka dengan anak-anak untuk berbincang berkaitan pendidikan anak-anak termasuk pendidikan al-Quran.

Rumusan ini menjelaskan bahawa faktor sosioekonomi keluarga yang tidak stabil dan tahap pendidikan ibu bapa yang rendah menyumbang kepada tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan al-Quran anak-anak. Tindakan perlu dilaksanakan oleh pihak-pihak berautoriti seperti sekolah dan pihak kementerian dalam memberi kesedaran kepada ibu bapa akan kepentingan keterlibatan mereka dalam pendidikan anak-anak bagi memastikan anak-anak tidak ketinggalan dalam pembelajaran mereka. Ibu bapa juga perlu berusaha mencari ruang dan peluang untuk menjalankan tanggungjawab mereka kepada anak-anak walaupun terpaksa berhadapan dengan cabaran dalam merealisasikannya. Akhirnya, masyarakat dan komuniti juga harus mengambil peranan menyelesaikan isu ini agar generasi yang bakal menerajui negara pada masa akan datang adalah generasi yang berilmu dan mempunyai sahsiah yang tinggi.

## RUJUKAN

- Abid Ali, Azizullah Jan, Ihsan Ullah Khan, Alam Zeb, & Mansoor Ahmad. 2021. Role of parental socioeconomic status on their children ' s education at District Mardan of Khyber Pakhtunkhwa , Pakistan. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 17 Issue, 2(2)*, 93–102.
- Asadul Islam. 2017. Parental involvement in education: evidence from field experiments in developing countries. In *Monash University, Department of Economics* (Issue 00008). <https://www.monash.edu/business/economics/research/publications/publications2/0217parentalism.pdf>
- Azizi Yahaya. 2019. Sejauh manakah faktor keluarga dapat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran bahasa inggeris. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*, 1–11.
- Cosmin O.Popă, Wealey Clay Lee, Adrian V.Rus, & Sheri Paris. 2020. Bronfenbrenner ' s ecological system theory and the experience of institutionalization of Romanian children Bronfenbrenner ' s Ecological System Theory and the Experience of Institutionalization of Romanian Children. *New Approaches in Behavioral Sciences*,. <https://doi.org/10.13140/2.1.5000.8004>.
- Darko-Asumadu, D. A., & Sika-Bright, S. 2021. Parental involvement and pupils' academic performance in the Cape Coast Metropolis, Ghana. *Open Education Studies*, 3(1), 96–109. <https://doi.org/10.1515/edu-2020-0142>
- Ghandi Mathi a/p Dharmalingam, & Prof. Madya Dr. R. Sivaperagasm P. Rajanthiran. 2020. Implication of family structure dan parenting style towards pupils academic performance in remove class: case study: Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5(35), 167–177. <https://doi.org/10.35631/ijepc.5350015>
- Goshin M., & Mertsalova T. 2018. Types of parental involvement in education, socio-economic status of the family and students' academic results. *Voprosy Obrazovaniya / Educational Studies Moscow*, 3, 68–90. <https://doi.org/10.17323/1814-9545-2018-3-68-90>
- Hanita Mohd Yusoff, & Norzaini Azman. 2018. Pencapaian akademik murid lelaki dan perempuan: peranan sokongan pembelajaran. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(2), 257–287.

- Jonathan R.H Tudge, Elisa A. Mercon-Vargas, Yue Liang, & Ayse Payir. (2017). The importance of Urie Bronfenbrenner's bioecological theory for early childhood educators and early childhood education. In *Theories of Early Childhood Education: Developmental, Behaviorist, and Critical*. <https://doi.org/10.4324/9781315641560>
- Kusaeri, Anindito Aditomo, Ali Ridho, & Ah. Zakki Fuad. 202. *Socioeconomic status, parental involvement in learning and student' mathematics achievement in Indonesian Senior High School*.
- Low Kai Lin, & Lilia Halim. 2016. Pengaruh penglibatan ibu bapa/penjaga dalam pencapaian akademik sains pelajar di Sekolah Berprestasi Tinggi Melaka. *Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia*, 292–307.
- Mairin bin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain bin Saharin, & Siti Rozana binti Saili. 2020. Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1), 1–12.
- Mardhiana Anggraini. 2019. Pendidikan Anak dalam Konteks Mesosistem (Studi Fenomenologis pada Keluarga Ayah Tunggal dan Guru di Sekolah). Naskah Publikasi Mohamad Johdi Salleh, Che Noraini Hashim, Ismael Hassanaen, & Amir Hasan Dawi. 2009. Status sosio ekonomi dan komitmen ibu bapa terhadap pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah, Malaysia. *14th International Conference on Education. Theme : Bridging Words : Making Connections in Education, May*, 21–24.
- Mohammad Nazreen bin Shaifuddin, & Mohd Faizulamri bin Mohd Saad. 2019. Strategi pengukuhan kemahiran bacaan al-Quran dalam kalangan golongan dewasa di mukim Petaling Selangor. *At-Tahkim*, 9(23), 15–21.
- Mohd Hidri Shahri, Ajmain Safar, & Mazlina Parman. 2020. Hubungan antara keterlibatan ibu bapa dalam program amali solat di sekolah agama kerajaan Johor. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 02, 17–28.
- Muhammad Zuhdi. 2016. *Pengaruh mikrosistem pendidikan terhadap karakter remaja*.
- Nines Resiska Sukmawati. 2010. *Studi deskriptif: latar belakang kehidupan anak jalanan ditinjau dari Teori Ekologi Bronfenbrenner*.
- Forwardatun Mohamed Razali, Siti Rosilawati Ramlan, & Maisarah Saidin. 2021. Kemahiran bacaan al-Quran secara bertajwid di kalangan pelajar sekolah menengah harian : satu tinjauan awal. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, October*, 6–7.
- Nurul Fatihah Hanapi, Wan Yusoff Wan Shaharuddin, Yasmin See, & Nor Hazwani Munirah Lateh. 2022. Tahap kebolehan membaca al-Quran : kajian kes pelajar bahasa arab di Malaysia. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 5(April), 100–111.
- Owusu Ampontsah, M., Yaw Milledzi, E., Twum Ampofo, E., & Gyamrah, M. 2018. Relationship between parental involvement and academic performance of senior high school students: the case of Ashanti Mampong Municipality of Ghana. *American Journal of Educational Research*, 6(1), 1–8. <https://doi.org/10.12691/education-6-1-1>
- Paquette, D., & Ryan, J. 2001. Bronfenbrenner ' s Ecological Systems Theory in transforming education in challenging environments. <http://people.usd.edu/~mremund/bronfa.pdf>

- Rohayati binti Junaidi, Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali, & Madiawati binti Mamat @ Mustaffa. 2018. Persekutaran kanak-kanak dalam Novel Beruk. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1), 106–121. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1801-07>
- Rosa, E. M., & Tudge, J. 2013. Urie Bronfenbrenner's Theory of human development: its evolution from ecology to bioecology. *Journal of Family Theory & Review*, 5(4), 243–258. <https://doi.org/10.1111/jftr.12022>
- Ruba Alshboul, Haifa Fawaris, & Asmaa Alshboul. 2021. Role of parental believes and focus to improve the quality of islamic schooling in the Western World. *Eurasian Journal of Educational Research*, 2021(96), 102–118. <https://doi.org/10.14689/ejer.2021.96.7>
- Saharia Hj Ismail. 2015. Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal Of Human Capital Development*, Vol. 8(Issue 2), 83–99.
- Şengönül, T. 2022. A review of the relationship between parental involvement and children's academic achievement and the role of family socioeconomic status in this relationship. *Pegem Egitim ve Ogretim Dergisi*, 12(2), 32–57. <https://doi.org/10.47750/pegegog.12.02.04>
- Shanti Ramalingan, Mahendran Maniam, & Gunasegaran Karuppanan. 2019. Penglibatan ibu bapa dalam pencapaian akademik pelajar sekolah tamil di Selangor. *Mualim Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 308–323. <https://doi.org/10.33306/mjssh24>
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, & Nur Izzati Nadia Mohd Dzolkifli. 2022. Keselaruan antara teori semangat kekitaan Ibnu Khaldun dengan teori barat. *Seminar Antarabangsa Falsagah, Tamadun, Etika Dan Turath Islami*, 5, 628–637.
- TH.Subra, Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, & Kala Devi. 2019. Pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap kecinciran pelajar-pelajar india: kajian kes di daerah Kuala Muda Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77–91. <https://doi.org/10.35631/ijmtss.29007>
- Ulla Harkonen. 2007. The Bronfenbrenner ecological systems theory of human development. *Scientific Articles of V International Conference PERSON.COLOR.NATURE.MUSIC*, 1–19.
- Wan Nur Izzati Hazwani Kashfi, Norhayati Che Hat, Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman, Nurazan Mohmad Rouyan, & Zaharah Hussin. 2022. Cabaran dan permasalahan pembelajaran murid b40 di sekolah rendah di malaysia . *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(4), 17–28.
- Yuvaneswary a/p Supparamaniam, & Ruslin bin Amir. 2010. Persekutaran pembelajaran dalam pencapaian akademik pelajar.
- Zainora Daud, Hayati binti Hussin, Muhammad Lukman Ibrahim, Abdul Rahim bin Ahmad, & Nurfatihah Mohd Dzahir. 2016. Penghayatan Konsep Hamlah Al-Quran Dari Perspektif Adab dan Akhlak Dalam Kalangan Huffaz : Satu Kajian Untuk Pengukuhan Hafazan. *Symposium Tahfiz Al-Quran Peringkat Antarabangsa 2016* (pp. 28–30). Darul Quran JAKIM.
- Zainudin Abu Bakar, & Fazilah binti Tumin. 2010. Hubungan Antara Minat Pelajar Dan Sikap Ibu Bapa Dengan Prestasi Matematik Terbaik Pelajar Program Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Matematik). *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*, 1(1976), 25–43. <http://eprints.utm.my/10810/>